

Mengapa PBS

ULASAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai tindakan Parti Bersatu Sabah (PBS) keluar BN — pertemuan di Angkasapuri selepas Majlis Penutup Teleton pada jam 11.45 malam 15 Oktober 1990.

HENDAK kata saya tidak jangka ini tidak betul jugalah. Tapi *timing* (masa) sahaja yang berlainan. Saya fikir dia (Datuk Pairin) akan tunggu hingga keputusan pilihanraya dan semasa keputusan pilihanraya itu (jika) Barisan Nasional (BN) tidak mendapat kemenangan yang cemerlang maka dia akan *switch over* (beralih) kepada Semangat 46. Tapi nampaknya dia (Datuk Pairin) telah buat keputusan lebih awal.

Sebenarnya dia telah telefon saya sebelum saya pergi ke sana (Sabah) dan meminta supaya saya tidak pergi ke Sabah. Saya kata ini saya tidak boleh tukar program kerana pihak Usno hendak saya pergi ke Sabah.

Lepas itu dia nak *vet* (sunting) ucapan saya, saya kata tak bolehlah *vet* (sunting). Lepas itu dia minta saya buat janji, saya kata tak ada janji.

Jadi saya nampak dalam ucapannya semasa saya ada di sana, dia meminta kenaikan royalti minyak, kebenaran untuk adakan stesen televisyen khas untuk Sabah dan diadakan universiti Sabah.

Jadi ketiga-tiga ini (permintaan) saya tidak jawab melainkan berkata, perkara ini tidak boleh diputuskan oleh saya kerana ini (masa kini) adalah kerajaan sementara dan setelah kita bentuk kerajaan, perkara ini boleh dibangkitkan.

Tetapi ini timbulkan perasan tidak puas hati walaupun dia tidak beri apa-apa *indication* (tanda-tanda), sebaliknya nampak begitu mesra sekali dengan Tun Mustapa (Presiden Usno) dan berjanji berikrar untuk membantu Usno dan mendakwa bahawa dia tidak meletakkan calon bebas walaupun di Labuan.

Jadi hari ini saya fikir dakwaan itu tidak tepat dan saya ingat calon bebas itu semua daripada PBS dan usaha akan dijalankan untuk menentukan Usno akan kalah (dengan matlamat) untuk mendapat 20 kerusi bagi PBS dan mungkin juga satu kerusi di Labuan.

SOALAN: Pairin mendakwa tidak ada hubungan baik dan permintaan kerajaan negeri tidak dilayan oleh Kerajaan Pusat. Tapi adalah kali kedua PBS keluar daripada BN. Jadi apakah tindakan Pusat berhubung perkara itu?

Tak ada tindakan apa-apa (kerana) kita tidak ada hak hendak mengambil apa-apa tindakan. Itu pilihan parti dan Kerajaan Negeri Sabah. Daripada awal pun PBS bukan anggota BN. Tapi dia juga yang minta hendak menyertai BN dan kita terima kerana kita harap akan dapat kerjasama tapi malangnya setelah dia menjadi anggota BN, tumpuannya ialah semata-mata untuk menuntut kononnya ada 20 perkara yang kita tidak tunaikan kepada PBS kepada Sabah.

Kita tidak mahu membangkitkan kerajaan Sabah tidak menunaikan bermacam-macam perjanjian di bawah *inter-governmental committee* ini, jadi sebenarnya apabila didapati banyak minyak di Sabah, maka timbullah keinginan untuk mendapat hasil daripada minyak ini untuk negeri Sabah sahaja, walaupun sebelum itu Sabah tidak ada minyak dan Sabah mendapat bantuan yang banyak daripada minyak yang datang dari Sarawak dan Terengganu.

SOALAN: Apakah tindakan ini yang diambil setelah pembahagian kerusi dibuat merupakan satu blackmail (peras ugut)?

Dia merupakan satu jenis *blackmail* (peras ugut) bukan kerana mengambil tindakan, tetapi kerana menekan supaya saya membuat jaminan terhadap beberapa tuntutan. Mereka sedar bahawa kita sedang menghadapi pilihanraya.

Mereka memilih masa ini untuk tujuan tertentu dan pada itu juga manifesto Barisan Pembangkang menyatakan mereka sedia meningkatkan royalti minyak kepada negeri-negeri dan inilah satu usaha pemancingan undi dan nampak ia telah berjaya, dan lagi pula pihak Tengku Razaleigh sendiri menyebut bahawa Sabah dan Sarawak adalah *the king makers*, iaitu mereka akan menentukan siapa yang bakal jadi raja.

Saya yakin ada pakatan dan saya yakin kita akan lihat kemewahan tertentu di kalangan parti-parti pembangkang.

Soalan: Apakah kesan tindakan itu terhadap kempen BN?

Bagi kita tidak ada kesan. Kita akan teruskan kempen kita dan terpulang kepada rakyat Semenanjung sama ada mereka hendak menjadi suara yang tidak berkesan kerana mereka berpecah belah dan PBS akan menentukan nasib Semenanjung.

Soalan: Dengan keputusan PBS, adakah Sabah kini dalam pemerintahan parti pembangkang?

Tak ada apalah kerana kita biasa pun ada Sabah di bawah parti pembangkang. Dulu, masa Berjaya menang, dia juga parti pembangkang, kemudian masuk dalam BN dan sekarang ini PBS. Masa dia menang pada kali pertama, dia juga di luar BN. Jadi ini bukanlah perkara luar biasa.

Soalan: Tapi di segi hubungan di antara Persekutuan dan Sabah, apakah ada kesannya?

Tentulah ada kesannya. Saya telah tegaskan semasa saya ada di Sabah, akan pentingnya kerajaan Sabah mengadakan perhubungan yang baik

Keluar Barisan?

dengan Kerajaan Pusat dan hubungan yang ter- baik sekali ialah apabila parti yang sama memerintah Sabah dan di peringkat pusat.

Soalan: Apakah ini akan jejas peluang BN dalam pilihanraya nanti?

Saya sangka dia boleh dapat maksimum 20 kerusi. Kita ada 180 kerusi (dan ini bermakna) ada 160 lagi yang nak ditandingi. Jadi saya tak fikir ia akan menjejaskan peluang BN untuk memerintah. Mungkin pencapaian dua pertiga menjadi sukar sedikit.

Soalan: PBS mengatakan dia menyokong manifesto S46 yang dikatakan selaras dengan dasar perjuangannya parti itu...

Itu dia punya pendapat.

Soalan: Datuk S46 walaupun mereka tidak mempunyai harapan untuk memerintah dalam kerajaan yang ada, tapi mereka mungkin menyukarkan peluang mendapat dua pertiga. Adakah tindakan ini sengaja nak menjejaskan atau mengganggu proses integrasi nasional?

Saya tidak tahu sama ada ia akan menjejaskan kestabilan atau tidak, tapi sudah tentu ianya menghalang integrasi dan ia juga mungkin menyebabkan pergolakan politik yang tidak sihat bagi negara kita ini kerana dia ingin memainkan satu peranan sebagai *king makers*.

Soalan: Dari satu segi bolehkah ia dianggap sebagai satu pengkhianatan?

Yang itu saya tak nak kata, terpulung kepada rakyat.

Soalan: Bagaimana tumpuan BN... dekat Sarawak bagaimana?

Tumpuan di Sarawak saya nampak baik. Di Sarawak terdapat empat parti semuanya ada dalam BN tetapi Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) tidak menyertai kerajaan di Sarawak dan saya tak ingin buat apa-apa ramalan tentang Sarawak.

Soalan: Ada ura-ura yang sesetengah parti di Semenanjung mempunyai hubungan rapat dengan PBS. Apakah kemungkinan parti komponen BN itu ikut langkah (yang sama)?

Tak ada hubungan rapat. Gerakan telah pun merasa kecewa kerana lamarannya tidak disambut oleh pihak PBS.

Soalan: Tadi Datuk kata 20 kerusi, parti mana?

Ada 20 kerusi Parlimen di Sabah, 14 kerusi PBS dan enam Usno. Di kawasan Usno semuanya ada calon-calon bebas. Calon bebas ini adalah bekas parti PBS. Kenyataan Pairin ialah siapa yang bertanding sebagai calon bebas akan disingkir daripada parti. Mereka sengaja menyingkir diri mereka supaya menjadi bebas, tetapi saya fikir dari segi semangat mereka masih lagi PBS. Dan saya yakin mereka akan dapat sokongan kuat daripada PBS untuk mengalahkan Usno dengan harapan mereka akan dapat 20 kerusi.

Soalan: Bagaimana dengan sikap parti komponen yang lain di Semenanjung?

Tak ada apa. Kita di sini solid (kukuh).

Soalan: Apakah dengan hasrat PBS hendak menggunakan lambang sendiri, ketika itu telah dijangka PBS mungkin akan belot?

Dari awal-awal lagi kita rasa ragu-ragu dengan kesetiaan PBS, tetapi kita membuat ramalan ia akan buat keputusan selepas keputusan pilihanraya, di waktu kalau dia nampak jika dia beri sokongan kepada S48 dia akan menang, dia akan masuk 46, tapi kita tidak sangka dia membuat keputusan pada waktu ini, terutama apabila saya membuat lawatan ke Sabah, nampak begitu mesra sekali sehingga dia sanggup beri bantuan kerajaan PBS kepada calon-calon Usno.

Soalan: Apakah langkah seterusnya BN?

Tidak ada apa langkah. Kita terus dengan usaha kita untuk mendapatkan kemenangan.

Soalan: Di kawasan PBS bertanding, siapa akan bertanding kali ini. Apakah Usno akan dicalonkan? Apakah BN akan sokong calon bebas?

Saya tidak fikir mereka direstui oleh Usno dan kita pun tidak kenal mereka. Kita tak boleh buat apa-apa.

Soalan: Adakah ini menjejaskan moral persiapan menghadapi pilihanraya?

Saya ingat tidak. Kalau apa-apa pun, semangat kita lagi kuat kerana ini boleh dianggap sebagai menikam dari belakang. Dan sesuatu juga yang menerima tindakan seperti itu akan merasa marah dan saya yakin ahli-ahli Umno, MCA, Gerakan dan lain-lain akan melipatgandakan usaha mereka bagi mendapatkan kemenangan, walaupun parti lawan bersemangat dan berkemampuan untuk membuat kempen secara besar-besaran.

Soalan: Daripada perasaan rakyat Sabah sendiri, apakah akan timbul kebangkitan perasaan bencikan Pusat?

Tidak ada. Saya fikir fikiran kebanyakan rakyat Sabah telah diracuni oleh PBS supaya mereka bencikan pusat. Dan saya fikir kebanyakan mereka akan menyokong PBS.

Soalan: Kalau mereka mula benci pusat apakah kemungkinan mereka akan keluar terus daripada Malaysia?

Itu tak mungkin. Tak boleh (jika) mengikut undang-undang. Tak boleh (jika) mengikut perlembagaan. Tak boleh keluar.

Soalan: Apakah pesanan Datuk kepada rakyat Sabah?

Saya harap mereka berfikir secara mendalam sebelum mereka menyokong tindakan PBS ini dengan memberi undi kepada calon PBS kerana perbuatan PBS ini tidak sihat untuk perhubungan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Sabah.

Soalan: Mengikut laporan yang kami terima secara tidak rasmi, PBS juga menghantar wang kepada parti pembangkang di Semenanjung untuk berkempen?

Saya tak tahulah tapi kita akan lihatlah sama ada mewah atau tak mewah.

Soalan: Apakah Datuk Seri akan menolak langsung kemungkinan rundingan dengan PBS?

Saya fikir tak guna, orang yang tikam anda dari belakang, anda nak cabut pisau dan lepas tu berunding dengan dia?

Soalan: Adakah ini bererti, BN tidak akan terima mana-mana calon bebas, dan PBS tidak akan diundang sekalipun pada masa depan untuk masuk Kerajaan Pusat?

Saya ingat sukarlah, melainkan kalau dia tukar kepimpinan dia...lainlah, tapi dengan kepimpinan yang ada ini, saya fikir sukarlah nak diterimalah parti seperti ini.